



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 25 MEI 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|---|
| 1. | TANGANI CABARAN SEKURTI MAKANAN ERA PANDEMIK JAMIN KESEJAHTERAAN, RENCANA, BH -12 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. 3. | PUSAT SEHENTI PRODUK HALAL SERANTAU ASIA TENGGARA, K2, KOSMO -16 PENGUNJUNG TERUJA PRODUK-PRODUK PKS MALAYSIA, K2, KOSMO -17 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 4. 5. | KENA ADA SKIM KAWALAN HARGA BARANG SEPANJANG TAHUN, DALAM NEGERI, UM -10 'KALAU NAK, AMBILLAH', LOKAL, HM -20 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 25/5/2021 | BERITA HARIAN | RENCANA | 12 |

Tangani cabaran sekuriti makanan era pandemik jamin kesejahteraan



Oleh Profesor Dr Zafir Khan Mohamed Mahbub dan Dr Atiff Azly Muhammed bhrencana@bh.com.my

Dekan UKM-Graduate School of Business, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Penyelidik di fakulti sama

Peningkatan kes jangkitan pandemik COVID-19 pada peringkat global menjejaskan kedudukan sekuriti makanan yang menggugat kesejahteraan kehidupan.

Sekuriti makanan ditakrifkan sebagai apabila setiap individu pada setiap masa, dapat memperoleh secara fizikal dan ekonomi sumber makanan yang mencukupi, selamat serta berkhasiat.

Ia juga dapat memenuhi keperluan diet dan pilihan makanan untuk kehidupan aktif dan sihat.

Pada 2020, Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan 43 daripada 113 negara dunia, berbanding kedudukan 28 pada 2019. Kedudukan ini tambah membimbangkan ketika dunia dilanda pandemik COVID-19.

Justeru, persoalan berkait kesediaan makanan mendepani cabaran sekuriti makanan ketika peningkatan kes jangkitan pandemik COVID-19 pada peringkat global perlu ditangani dengan wajar.

Ketersediaan makanan faktor utama dalam sekuriti makanan yang perlu diberi perhatian. Malaysia Trade Statistics Review (MTSR) Bil. 1/2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan negara ini masih bergantung kepada bekalan makanan import untuk memenuhi permintaan tempatan seperti beras, daging mentah (kambing dan lembu) dan sayuran.

Kenaikan ditunjukkan data dalam laporan statistik ini menunjukkan kadar sara diri (SSR) pengeluaran tempatan tidak dapat menampung 100 peratus keperluan pengguna domestik.

Dalam keadaan kadar jangkitan COVID-19 meningkat, industri makanan turut terjejas, contohnya bekalan daging import untuk penggunaan domestik. Ia berpotensi menyebabkan kenaikan harga susulan berlakunya ketidakseimbangan dalam proses penawaran dan permintaan.

Ia juga disebabkan sekatan aktiviti import dan eksport susulan kebimbangan pencemaran silang terhadap makanan oleh virus COVID-19. Situasi ini mencetuskan kebimbangan kepada pembekal dan pengguna di Malaysia.

Ketidakseimbangan penawaran dan permintaan memberi kesan langsung kepada ketersediaan makanan. Akses kepada makanan juga mampu mempengaruhi sekuriti makanan. Ketika penularan pandemik, banyak negara menguatkuasakan sekatan atau kawalan pergerakan dalam membendung penularan jangkitan COVID-19.

Malaysia juga mengambil langkah sama melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walaupun PKP terbukti berjaya membendung penularan pandemik, ia memberi impak kepada kadar pengangguran. Kadar pengangguran ini memberi kesan langsung kepada kadar perbelanjaan pengguna.

Pengguna terpaksa beralih kepada produk pengganti yang lebih murah dan kurang berkualiti disebabkan inflasi harga makanan, sekali gus mengurangkan akses kepada makanan berkhasiat. Kadar pengangguran serta inflasi harga makanan ini memberi kesan langsung kepada golongan berpendapatan rendah (B40).

Pandemik yang boleh mencetuskan krisis ekonomi akhirnya turut menggugat kesejahteraan kehidupan. Penggunaan sumber makanan pula memainkan peranan penting dalam menjamin sekuriti makanan.

Sejak penularan pandemik, majoriti isi rumah lebih cenderung mengamalkan aktiviti makan di rumah dan khidmat penghantaran makanan terus ke rumah. Perkara ini selaras prosedur operasi standard (SOP) PKP dan saranan pihak berkuasa.

Namun, peningkatan norma baharu dalam pembelian makanan ini turut meningkatkan sisa buangan makanan. Situasi ini sekali gus mengancam sekuriti makanan Malaysia, ketika mendepani penularan pandemik COVID-19.

Secara makronya, penggunaan sumber makanan yang tidak cekap akan memberi kesan langsung kepada keseluruhan rantai bekalan makanan. Sebagai contoh, pembaziran makanan seperti nasi akan menyebabkan kadar kebergantungan import (IDR) Malaysia terhadap beras meningkat.

Hal ini juga dapat dilihat apabila Malaysia mencatatkan peningkatan import beras berbanding tahun sebelumnya. Justeru, berdasarkan perkembangan situasi semasa peningkatan kes jangkitan COVID-19, berkemungkinan penduduk

Malaysia bakal berdepan kekurangan bekalan dan peningkatan harga runcit beras.

Kebergantungan bekalan makanan ruji ini memberi kesan signifikan terhadap kestabilan dan sekuriti makanan di Malaysia.

Dalam menangani cabaran ini ketika pandemik, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengambil langkah drastik dan strategik dengan menyenaraikan industri makanan sebagai satu daripada industri perkhidmatan perlu.

Langkah ini signifikan demi menjamin kelangsungan bekalan makanan ketika PKP. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga mengambil langkah strategik menjalin kerjasama dengan portal pembelian dalam talian untuk memasarkan produk makanan serta menjamin setiap rakyat mendapat akses bekalan makanan ketika PKP dilaksanakan.

Kerajaan juga menunjukkan komitmen tinggi terhadap sekuriti makanan apabila mewujudkan satu Jawatankuasa Kabinet Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKKDSMN). Melaluiinya, beberapa strategi digariskan untuk memperkukuh sekuriti makanan Malaysia, seperti memperkasa sektor agro makanan, peluasan penggunaan teknologi dalam meningkatkan pengeluaran sumber makanan domestik, serta mengurangkan kebergantungan import.

Strategi diambil kerajaan secara langsung menggambarkan usaha mendepani impak jangka panjang penularan pandemik COVID-19 terhadap sekuriti makanan Malaysia.

Menjadi harapan bahawa isu sekuriti makanan perlu diberi perhatian semua lapisan masyarakat bagi mengekang krisis ekonomi dan kemanusiaan daripada berlaku dek tempias pandemik COVID-19.

Sekuriti makanan akan memastikan kelangsungan perniagaan dan mencetuskan kesejahteraan dalam kehidupan.

“Sekuriti makanan akan memastikan kelangsungan perniagaan dan mencetuskan kesejahteraan dalam kehidupan”





Rencana Utama

Oleh
**ZUBAIDAH
IBRAHIM**

APABILA disebut tentang wakaf, kebanyakan masyarakat Islam mempunyai pandangan sempit mengenainya dan sering kali mengaitkan amalan tersebut dengan masjid atau tanah perkuburan sahaja sedangkan ia lebih daripada itu.

Sebenarnya, terdapat juga wakaf berkonsep pelaburan yang mana memberi keuntungan kepada pewakaf di dunia serta akhirat dan pada masa sama membantu ekonomi umat Islam.

Mengambil pendekatan itu, Uniti Asia Business Group membangunkan pusat beli-belah berkonsep wakaf yang dikenali sebagai ASEAN Mall untuk para pewakaf membuat pelaburan bagi memberi manfaat kepada seluruh umat Islam khususnya di Asia Tenggara.

Menerusinya, para pelabur bukan sekadar bertindak sebagai pewakaf atau penderma bahkan mampu mendapat pulangan dividen daripada hasil pelaburan terhadap pusat beli-belah itu.

ASEAN Mall yang dibangunkan di Pattani, Thailand itu kini menjadi tempat sehenti memasarkan produk-produk halal dari negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Thailand, Brunei, Indonesia, Filipina dan sebagainya selain benua Asia.

Salah seorang pelabur yang disebut juga sebagai pemegang saham atau pewakif ASEAN Mall, Dr. Abdul Halim Shihghatullah berkata, dia berasa sangat teruja menyumbang kepada pembangunan pusat beli-belah tersebut apatah lagi kali pertama mengetahui mengenai konsep wakaf pelaburan.

"Ketika sahabat memberitahu mengenai pusat beli-belah berkonsep wakaf ini, saya berasa sangat teruja dan tidak mahu melepaskan peluang untuk menjadi salah seorang pewakif.

"Wakaf pelaburan ini sesuatu yang sangat berbeza daripada kebiasaan dan ia juga membuka jaringan manfaat sangat luas kepada



KAKITANGAN pusat beli-belah ini sedia menerima kehadiran pengunjung dengan pematuhan prosedur operasi standard.

Pusat sehenti produk halal serantau Asia Tenggara

JAMAL



pewakif serta umat Islam sejagat," katanya yang berasal dari Tanjong Karang, Selangor.

"Tambahnya, wakaf berbentuk komersial itu sangat baik kerana juga dapat membantu komuniti setempat mendapatkan pekerjaan dan menjana pendapatan.

Bercerita lanjut mengenai idea penubuhan pusat beli-belah berkonsep wakaf

pelaburan itu, Presiden Uniti Asia Business Group, Datuk Jamal Mohd. Amin berkata, ia bermula apabila seorang sahabat dari Universiti Fatoni, Thailand memberitahu hasratnya untuk membuka bandar baharu atas tanah wakaf seluas 161.8 hektar di Madinatussalam, Pattani, Thailand.

"Sahabat saya itu ingin membuka bandar berkonsepkan wakaf dan perniagaan yang mana di dalam kawasan tersebut turut dibina institusi pendidikan, hospital, masjid dan pusat beli-belah.

"Sebelum ini, Universiti Fatoni ditubuhkan dengan konsep wakaf sepenuhnya. Melihat kejayaan institusi pendidikan itu membuatkan beliau ingin meluaskan amalan tersebut dalam bentuk pelaburan perniagaan yang lebih luas," terangnya yang juga merupakan Pengarah ASEAN Mall.

Tambah Jamal, beliau pada awalnya agak terkejut dengan cadangan sahabatnya itu kerana tidak pernah mendengar konsep wakaf sedemikian sehinggalah mendapat pengesahan kesahibannya oleh mufti serta beberapa orang yang ahli dalam bidang tersebut.

Bellau yang juga Presiden Kolej Uniti memberitahu, tidak pernah melihat pusat beli-belah berkonsep wakaf seperti itu dan ASEAN Mall boleh disifatkan sebagai yang pertama seumpamanya.

"Mulut wakaf pelaburan ini sangat ringkas tetapi pahala berganda dan lebih ramai orang boleh terlibat.

"Dahulu yang saya faham tentang wakaf ialah tidak memberi pulangan secara materil kepada pewakaf (atau pewakif) tetapi sebenarnya terdapat konsep wakaf pelaburan yang memberi



BANGUNAN ASEAN Mall yang berdiri megah di Pattani, Thailand.

INFO**ASEAN Mall**

- Mula beroperasi pada tahun 2019 di Pattani, Thailand
- Berkeluasan 100,000 kaki persegi (9,290 meter persegi) dan menelan kos sekitar RM40 juta
- Mempunyai lebih 100 pewakif atau pemegang saham dari pelbagai negara seperti Malaysia, Singapura, Indonesia dan Kuwait.
- Melaksanakan konsep wakaf pelaburan yang mempunyai manfaat lebih luas terutama dalam membantu ekonomi umat Islam
- Berperanan sebagai pintu masuk pelbagai produk halal dari rantau Asia Tenggara

manfaat lebih luas," ujar pemegang ijazah Sarjana Kejuruteraan Awam di Universiti Michigan, Amerika Syarikat itu.

Justeru, beliau bersama sahabatnya itu melaksanakan projek pembangunan pusat beli-belah berkonsep wakaf setinggi dua tingkat itu pada tahun 2016. Antara objektif penubuhan ASRAN

Mall adalah untuk membantu menjana pendapatan orang-orang Pattani dan sebagai pintu masuk produk-produk halal dari Asia Tenggara ke Thailand.

Selain itu, pusat beli-belah tersebut juga bertujuan mengubah persepsi orang ramai mengenai selatan Thailand yang sering dikaitkan dengan isu keamanan sedangkan ia tidaklah seburuk disangka.

Jelasnya, masalah persepsi itu memberi cabaran kepada mereka pada peringkat awal sehingga ramai orang takut membuat pelaburan tetapi apabila melihat potensi besar ASEAN Mall segalanya telah berubah.

Sejak beroperasi pada tahun 2019, ASEAN Mall yang dibina dengan kos sekitar RM40 juta itu mempunyai lebih 100 pewakif atau pemegang saham dari pelbagai negara seperti Malaysia, Singapura, Indonesia selain Kuwait.

Menjelaskan mengenai wakaf pelaburan itu, Jamal berkata, Unifi Asia Business Group akan menguruskan operasi tersebut selama 30 tahun dan hasilnya akan dibahagikan kepada pewakif serta wakaf.

"Sebanyak 15 peratus daripada hasil



ORANG ramai tanpa mengira usia membeli-belah di ASEAN Mall.

tersebut akan diwakafkan dan selepas 30 tahun pusat beli-belah itu akan diserahkan sepenuhnya kepada pihak pengurusan wakaf hartanah tersebut.

"Pun begitu, pihak Unifi Asia Business Group masih boleh menguruskan operasi pusat beli-belah itu tetapi pulangan kepada wakaf akan dinaikkan kepada 50 peratus," jelasnya.

Bagi pewakif pula, mereka boleh berniat wakaf dalam masa sekarang atau selepas 30 tahun.

ASEAN Mall yang berkeluasan 100,000 kaki persegi (9,290 meter persegi) itu menjual pelbagai jenis produk terutama makanan dan turut dibina kios-kios serta ruang ekspu untuk mempromosi aneka barangan.

"Pusat beli-belah ini akan menjadi platform terbaik untuk para usahawan mengeksport produk mereka dengan kos lebih rendah dan murah.

"Model wakaf pemiagaan seumpama ini semakin mendapat perhatian dan ada beberapa negara seperti Filipina yang mahu pihak kami membina di tempat mereka," tuturnya.

Pembangunan pusat beli-belah tersebut turut mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta SME Corporation Malaysia.

Sementara itu, Pengarah Urusan Syarikat Fatimah Frozen Foods Sdn. Bhd., Fatimah Anis Ibrahim memberitahu, ASRAN Mall merupakan platform terbaik untuk para usahawan mengeksport produk mereka ke luar negara.

"Proses mengeksport produk ke luar negara agak sukar dan memerlukan masa yang panjang tetapi dengan bantuan ASEAN Mall ini ia menjadi lebih mudah.

"Produk Malaysia juga laris terjual kerana masyarakat di Thailand sangat menggemarinya sehingga kami menambah penghantaran kontena bagi menampung keperluan yang semakin meningkat," katanya yang mengusahakan produk kuih-muih sejuk beku itu sejak tahun 1994.



PENGUNJUNG berkesempatan melawat gerai-gerai di pekarangan pusat beli-belah itu.

Pengunjung teruja produk-produk PKS Malaysia

PANDEMIK Covid-19 yang melanda negara sejak tahun 2020 telah memberi kesan terhadap ekonomi dunia lantas pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil inisiatif untuk memasarkan produk-produk ke luar negara menerusi ejen pemasar.

Susulan itu, pihak FAMA telah melantik Unifi Asia Link Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Unifi Asia Business Group sebagai ejen pemasar bagi pasaran Thailand untuk membantu usahawan produk agro atau makanan tempatan memasarkan produk mereka di negara tersebut.

Menurut sumber FAMA, program promosi di luar negara yang terhad kerana pandemik itu menyebabkan pihaknya mengambil langkah bekerjasama dengan ejen pemasar supaya aktiviti pemasaran produk agro atau makanan tempatan ke luar negara dapat diteruskan.

"ASEAN Mall, Thailand adalah salah satu platform atau pusat bagi



PELBAGAI produk halal dari Asia Tenggara boleh didapati di sini termasuk dari Malaysia.

memasarkan produk-produk halal usahawan eksport agro atau makanan tempatan ke negara tersebut.

"Ia juga telah dijadikan pusat bagi pengumpulan dan pengedaran produk usahawan eksport agro makanan tempatan untuk dipasarkan di kawasan Selatan Thailand," katanya.

Jelas sumber FAMA itu, berdasarkan laporan maklum balas Program Promosi Ramadan Produk PKS Bumiputera Malaysia yang telah diadakan di ASEAN Mall pada 10 April hingga 13 Mei lalu, pengunjung sangat teruja dengan produk-produk tersebut kerana mereka yakin penjiliran halal Malaysia.

Di samping itu, produk-produk Malaysia juga memenuhi citarasa masyarakat di Thailand apatah lagi dengan pembungkusan menarik dan harga sangat berpatutan.

Antara produk mendapat sambutan sangat menggalakkan ialah produk sejuk beku dan ready to eat seperti mi segera, bubur nasi, pau serta roti prata.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 25/5/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

Kena ada skim kawalan harga barang sepanjang tahun

PETALING JAYA: Kerajaan disaran mewujudkan skim kawalan harga sepanjang tahun terutama membabitkan barang mentah seperti ayam dan daging yang melonjak secara tiba-tiba.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Seri Dr. Jacob George berkata, pelaksanaan skim tersebut dapat membantu rakyat terutama golongan B40 mendepani penularan wabak Covid-19 ketika ini.

Malah katanya, kerajaan juga boleh melanjutkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2021 (SHMMP).

"Kawalan perlu dibuat sepanjang tahun lebih-lebih lagi ketika Covid-19. Saya merayu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melihat perkara ini secara terperinci lebih-lebih lagi ia saling berkait.

"Sebagai contoh peniaga dan

penternak memberi alasan harga naik disebabkan harga dedak. Jadi masalah ini bermula peringkat pengeluaran bukan melibatkan satu pihak iaitu peniaga atau Kementerian Sahaja," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman pula berkata, setiap kenaikan harga barang mentah perlu dikaji dan tidak boleh melihat kesalahannya pada

satu pihak.

Menurutnya, perjumpaan dan perbincangan perlu diadakan membabitkan penternak ekoran kenaikan yang secara terus selepas habis musim perayaan.

"Jika kenaikan disebabkan harga dedak apakah solusinya? Adakah perlu kerajaan beri subsidi makanan ternakan?" jelasnya.

Dalam pada itu, Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, cadangan melan-

jutkan SHMMP 2021 yang tamat akan dipertimbangkan bagi mengurangkan bebanan rakyat.

Bagaimanapun, menurut beliau, ia memerlukan kajian terlebih dahulu melibatkan pelbagai pihak.

Katanya, penetapan harga dalam SHMMP bukan hanya melibatkan KPDNHEP, sebaliknya mengambil kira pandangan dan kepentingan pelbagai pihak termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 25/5/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |



ASRI mengutip tembikai yang sudah masak di kebunnya.

Oleh Roselan Ab Malek
am@hijmetro.com.my

Jerantut

“Sesiapa yang nak makan tembikai, datang ke kebun. “Ambillah sebanyak mana yang mahu dan sedekah ke-

pada jiran agar buah yang masak ranum ini tidak terbiar begitu saja,” kata Asri Yaakob, 50, pekebun tembikai di Kampung Besul, dekat sini. Memberikan tembikai secara percuma kepada orang ramai adalah inisiatif terakhir beberapa pekebun di



‘Kalau nak, ambillah’

Pekebun beri tembikai percuma elak buah rosak begitu saja

kampung itu bagi mengelak hasil tanaman tidak dibiarkan rosak begitu saja. Asri berkata, ramai pekebun yang berputus asa dan hanya membiarkan hasil tanaman membusuk. “Kami menanam tembikai sejak awal tahun ini dengan sasaran dijual pada bulan puasa, namun kurang sambutan daripada pelanggan kerana ramai yang tidak keluar ke pasar Ramadan. “Kali ini tanaman tembikai cukup menjadi, mungkin kerana hujan sepanjang bulan, tetapi tiada pasaran seperti tahun sebelumnya,” katanya ketika ditemui, sema-

lam. Dia berkata, kalau dulu hasil tembikai dapat digunakan untuk belanja persiapan raya seperti membeli baju anak dan lain-lainnya, namun kali ini agak suram. Katanya, kali ini hasil tembikai tidak lepas ke mana sebab tiada pasaran dan hanya dipasarkan di sekitar Jerantut. Katanya, kini kebanyakan pekebun hanya mengharapkan mereka dapat kembali

modal yang dikeluarkan. “Ada yang sudah dapat modal dan ada yang belum balik modal. Oleh sebab tiada pasaran, kebanyakan pekebun membiarkan saja buah tanpa dikutip,” katanya. Dia berkata, terdapat lapan pekebun tembikai di Kampung Besul yang mengusahakan tanaman di kawasan seluas antara 0.4 hingga 0.8 hektar seorang. Katanya, walaupun ada beberapa pekebun masih

menjalankan perniagaan kecil-kecilan, peningkatan kes Covid-19 membuatkan mereka juga mengehendak pergerakan. “Walaupun kerugian, rata-rata pekebun berlapang dada dan mengharapkan ada pihak yang sudi mengambilnya agar tidak terbiar begitu saja. “Kami nak beri percuma kepada yang datang ke kebun dan kalau nak bayar pun, bayarlah seberapa yang ikhlas,” katanya. Menurutnya, setakat ini, terdapat kira-kira 20 tan tembikai masih dibiarkan di kebun.

“Kali ini tanaman tembikai cukup menjadi mungkin kerana hujan sepanjang bulan”
Asri

KEBANYAKAN pekebun hanya mengharapkan mereka dapat kembali modal yang dikeluarkan.